

مذاكرة
چندکياوان
شریعة
نوسنتامرا

۷
۲۰۱۳

Hotel Fairmont, Singapura
29 - 30 Mei 2013 | 19-20 Rejab 1434H

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7

Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

Aplikasi *Ujrah* dalam Institusi Kewangan Islam

Dr. Shamsiah Abdul Karim

Penolong Pengarah,
Majlis Ugama Islam Singapura (Singapura)

Penaung



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penganjur Bersama

ISRA

الأحاديمة العالمية للبحوث الشرعية
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance



AMANAH
ASSET
MANAGEMENT

Penaja Utama



Penaja



Bank Pilihan Anda

BANK ISLAM

APLIKASI UJRAH DALAM INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Dr. Shamsiah Abdul Karim¹

Abstrak

Sistem institusi kewangan Islam adalah sistem yang berlandaskan perniagaan atau ekonomi sebenar. Ia tidak boleh memiliki sebarang unsur riba'. Oleh demikian jelas disebutkan didalam al-Quran bahawa perniagaan mirip riba' tetapi Allah telah halalkan perniagaan dan mengharamkan riba'. Oleh itu berbagai instrumen kewangan Islam telah diwujudkan untuk menjauhi dari dilabelkan sebagai riba'. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti cara kontrak atau instrumen kewangan baru yang menggunakan ujarah sebagai asas sesuatu pembiayaan atau transaksi untuk distrukturkan. Dengan itu, kertas kerja ini akan melihat pada definasi, kesesuaian bagi menggunakan ujarah dan apakah cabaran serta ciri-ciri lain yang mungkin menjadi masaalah bagi pelaksanaan ujarah. Selain itu contoh andaian dan juga contoh dimana ujarah digunapakai juga akan di utarakan.

1.0 Pendahuluan

Sistem kewangan Islam adalah sistem yang berlandaskan sistem keadilan ekonomi dimana setiap pihak diberi ganjaran berdasarkan sistem muamalat dimana, ada transaksi perniagaan. Ini jelas didalam ayat al-Quran dimana dinyatakan, Allah telah membenarkan jual beli tetapi mengharami riba:

Surah Al- Baqarah ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ
الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ
اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا
سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا
خَالِدُونَ

¹ Dr. Shamsiah Abdul Karim merupakan Timbalan Pengarah Pembangunan Aset, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Singapura.

Maksudnya:

Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal didalamnya.

Dari itu dari ayat ini jelas bahawa sistem kewangan Islam mestilah sistem yang berlandaskan unsur perniagaan dimana ada transaksi yang jelas yang wujud untuk di perniagakan yang berlandaskan *syariah*. Oleh demikian wujud berbagai instrumen kewangan Islam untuk digunakan bagi berbagai transaksi yang digunapakai didalam institusi kewangan Islam.

Kontrak-kontrak yang diwujudkan seperti *murabaha*, *musyarakah*, *ijarah*, dan sebagainya telah digunakan bagi pelbagai transaksi yang sesuai dengan jenis dan keadaan modal yang diperlukan.

Konsep *ujrah* atau '*fee-based*' ini juga adalah salah satu cara untuk mengenakan bayaran bagi pelbagai transaksi dan perniagaan yang dilakukan oleh institusi kewangan Islam. Sejauh ini konsep *ujrah* belum lagi di perluaskan, kebanyakan bank menggunakan konsep *murabaha* dan *ijarah* bagi mendapatkan pulangan tetap kepada pemberi modal. *Ujrah* hanya digunakan ketika ada bayaran tertentu sesuatu khidmat yang diuruskan.

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana *ujrah* boleh diperluaskan dalam aplikasi kewangan Islam. Kertas kerja ini juga memberi sedikit perbandingan dengan sistem yang sedia ada pada masa kini dan juga apakah ciri-ciri *ujrah* yang sedia ada diperintiskan oleh zaman dahulu. Kemudian diakhiri dengan perbincangan tentang cabaran dan kesesuaian sistem ini untuk diaplikasikan kepada kewangan Islam.

1. Definasi *Ujrah*

Kalimat *Ujrah* (أجرة) berasal dari kalimat (أجر), dan seperti yang dinyatakan Ibn Manzur dalam *Lisan Al-'Arab*, kalimat *ajara* bererti : (الجزاء على العمل)², yakni habuan/balasan atas

² Ibn Manzur, *Lisan Al'Arab*, Juz 4, hlm 10.

pekerjaan/usaha/amalan. Kalimat Ujrah boleh membawa pengertian balasan pahala yang diberi atas amalan, seperti firman Allah s.w.t. dalam surah An-Nahl ayat 96 :

(ولنجزيّن الذين صبروا أجرهم بأحسن ما كانوا يعملون)

Yang bermaksud : *Dan sesungguhnya Kami membalas orang-orang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.*

Kedua Kalimah Ujrah juga bererti mahar yang dibayar dalam pernikahan, seperti firman Allah s.w.t.:

(فاتوهن أجوهن فريضة) (النساء: ۲۳)

Yang bermaksud : Maka berikanlah kepada mereka (isteri-isteri) maharnya sebagai satu kewajipan.

Yang ketiga pengertian Ujrah dari segi istilah:

عوض العمل.^۳

Yang bermaksud : *Habuan bagi pekerjaan.*

Ada juga beberapa definisi yang mirip dan bercabang dari *ujrah*. *Ujrah* membawa makna kaunter nilai yang khusus untuk kerja tertentu atau manfaatnya.⁴ Ju'1 pula secara literal bermakna pampasan bagi sesuatu khidmat⁵.

Ia juga boleh didefinisikan dari kata asal Ijara yang bermaksud “memberi sesuatu sebagai sewaan” ini boleh digunakan dalam dua situasi mengikut undang-undang *shari'ah* iaitu :

- i) Untuk menggunakan khidmat seseorang dengan memberi gaji kepadanya dengan pertimbangan khidmat yang diupah. Majikan didalam kes ini diistilahkan sebagai *Musta'jir* , dan pekerja sebagai '*Ajir*' manakala gaji yang di bayar adalah '*Ujrah*'.⁶
- ii) Untuk memindahkan manfaat sesuatu aset kepada orang lain dengan pertukaran balik sewa yang dituntut dari dia.

³ Ibn 'Abidin, **Hashiyah Ibn 'Abidin**, Juz 6, hlm 283. Sila lihat Sa'ad Abu Jaib, **Al-Qamus Al-Fiqhy**, hlm 19.

⁴ Isra Compendium for Islamic Financial Terms , International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). 2010.

⁵ Ibid. Juga mirip Ji'alah iaitu kontrak gaji.

⁶ Usmani, T.M. (2000) ; An Introduction to Islamic Finance; Idaratul Ma'arif, Karachi . See also AAOIFI Shariah Standard no. 9.

Dalam konteks kertas kerja ini, definisi pertama akan digunakan dan bukan definisi kedua dimana ia menjurus kepada konsep *ijarah* atau sewaan (*leasing*). Perbincangan akan difokuskan kepada definisi pertama iaitu ‘fee-based financing’ atau yang digelar sebagai *ujrah*.

Dalam *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* oleh Ibn Rushd *ju’l* juga didefinisikan sebagai *ijara*. Ini adalah sebagai kos yang dikenakan seperti doktor yang mengubati pesakitnya.⁷ Guru yang mengajar muridnya dan sebagainya. Imam-imam yang membenarkan pemberian upah menggunakan ayat al-Quran yang menyatakan “Kami kehilangan piala raja, dan siapa yang yang dapat mengembalikannya akan memperoleh bahan makanan seberat unta, dan aku menjamin terhadapnya” (Quran 12: 72) .

Dalam mazhab atau Imam yang membenarkan perkara ini, hukum *ju’l* adalah, jika seseorang itu tidak menyampaikan apa yang dijanji maka orang itu tidak berhak menerima sebarang manfaat. Ja’il (orang yang memberi upah itu) pula berlaku tidak adil kalau dia tidak memberi upah pada orang yang telah membuat tugas itu kerana enggan menganggap bahawa kerja itu tidak disampaikan pada sipetugas itu.

Seperti yang dinyatakan dalam para yang diatas, ia adalah sejenis upah yang mempunyai syarat dan ada juga berbeza pendapat dikalangan Imam-Iman dari berlainan mazhab. Upah itu juga mesti dilaksanakan dengan mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Untuk menguatkan lagi definasi ini, sila kita lihat aplikasi *ujrah* pada zaman dahulu.

2. Sejarah latarbelakang dan penggunaan *Ujrah* di zaman silam.

‘*Ujratul urus*’, biasa digunakan untuk membayar upah seseorang mengikut kadar kerja yang dilaksanakan oleh seseorang itu. Upah yang dikenakan berbagai-bagai caranya. Pada zaman sekarang berbagai caj yang dikenakan bagi berbagai khidmat yang dinamakan seperti *performance fee*, *administration fee*, *operational fee* dan sebagainya.

Kalau kita lihat bagaimana upah amil di berikan dalam sistem zakat , mengikut Mazhab Imam Shafie ia adalah 1/8 iaitu diberi sama rata dengan hak-hak mustahik yang lain.⁸ Walaubagaimanapun di Singapura upah amil atau kos administrasi mengendalikan urusan zakat adalah kurang dari 1/8, peratus ini sebagai panduan iaitu kita tidak boleh melebihi had ini tapi cuba sedaya upaya dalam garis pandu had tersebut sebagai ‘best practice’. Kos ini termasuk kesemua pentadbiran serta upah amil yang harus dibayar untuk melaksanakan sistem zakat yang dituntut oleh *syarak* iaitu agihan dan kutipan zakat.

⁷ Ibn Rushd, *Bidayat al- Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* , Terjemahan oleh Prof Imran Ahsan Khan Nyazee. Garnet Publishing Ltd, pp.282-283.

⁸ Hukum Zakat oleh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Ada juga yang merasakan cara begini kadang-kala tidak menimbulkan keadilan, contohnya kutipan amil zakat fitrah . Kutipan zakat fitrah yang kebiasaannya adalah kecil, kerana kadar fitrah yang ditetapkan adalah rendah, ini jauh berbanding dengan zakat harta⁹. Tetapi tugas amil tersebut untuk melaksanakan tugasnya dengan masa yang diluangkan dan pembayar yang ramai mungkin lebih mencabar dari amil zakat harta yang memerlukan hanya pembayar yang besar dan oleh itu upah mereka dengan secara otomatik menjadi lagi besar. Maka itu lebih sesuai amil zakat fitrah diberi upah yang dipanggil *ujratul urus* mengikut kadar penat lelah yang telah diluangkan untuk pekerjaan tersebut.¹⁰

Di sini kiraan upah mengambil kira masa dan penat lelah seseorang itu dan kadar minima yang harus seseorang itu diupah memandangkan masa yang telah diluangkan. Walaupun tidak ada pembayar, amil tersebut mesti berada ditempat tugas beliau. Dari itu kadar peratus tidak sesuai tetapi kadar gaji minima misalannya sejam \$3/- yang diluangkan masanya akan dibayar untuk tugas begini. Al- Quran tidak menetapkan bagaimana kiraan upah itu dilaksanakan. Tetapi diberi kelonggaran dan 1/8 adalah panduan mazhab Shafie dan panduan ini juga boleh diijtihadkan mengikut kadar yang berpatutan dan kebanyakan kadar ini dipersetujui oleh majlis Fatwa masing-masing untuk menetapkannya¹¹. Oleh itu adakah menggunakan peratus lebih adil, ini adalah ijtihad masing-masing tetapi mengikut Yusuf Qardhawi dalam kitab Hukum zakat beliau cenderung kepada kesederhanaan. Iaitu upah amil tidak terlalu kecil dan tidak terlalu berlebihan.¹²

Banyak lagi misalan yang kita boleh ikuti umpamanya pada zaman Rasulullah s.a.w. dimana elaun tahunan pemerintah yang dikeluarkan oleh Baitulmal yang menggunakan kadar tetap umpamanya diberikan kepada:

Keluarga Rasulullah s.a.w – dibayar elaun antara \$5,000 hingga \$12,000 dirham, mengikut keutamaan mereka. (pembayaran mengikut kedudukan dan mungkin tanggungjawab yang lebih) (Hassan, 2003)¹³.

Institusi wakaf juga merupakan institusi yang banyak menggunakan ujrah sebagai upah untuk mengendalikan hartanah wakaf. Pada ketika zaman Uthman lagi , ada *nazir-nazir* wakaf yang memberikan pinjaman dari wang wakaf yang dikenakan pulangan iaitu

⁹ Kadar Zakat Fitrah di Singapura pada tahun lalu adalah \$4 dan \$7 seseorang. Manakala zakat harta mececah beribu dolar bagi seseorang pembayar.

¹⁰ Amil zakat harta di Singapura di beri antara 2-4% upah dari kutipan. Tetapi bagi amil zakat mereka hanya ditugaskan untuk mengutip dan bukan untuk diagihkan.

¹¹ Pada tahun 2012 pembelanjaan Amil yang diterbitkan Muis (Majlis Ugama Islam Singapura) merupakan 11% dari kutipan zakat.

¹² Dr. Yusuf Qardhawi, Hukum Zakat : Studi Komparatif Mengenai Status dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur'an dan hadis . cet.4, 1996, Hal. 556.

¹³ Untuk perincian, lihat S.M. Hanaruz Zaman, op. cit., hal.303

sebagai bunga kepada para peminjam wang wakaf tersebut. Cara ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pulangan bagi harta wakaf tunai yang dikendalikan oleh para *nazir* ini.¹⁴

Kita akan lihat pula perbincangan yang seterusnya bagaimana *interest* dan upah mirip sekali penggunaannya.

3. Sejarah menggunakan upah pada sistem Perbankan

Pengambilan riba '*interest*' atau '*usury*' oleh penganut Yahudi dan Kristian juga tidak di bolehkan atau diharamkan. Larangan terhadap pengambilan *riba* telah menggalakkan '*venture capital*' bagi megarapkan pulangan pada pelaburan tersebut. *Venture capital* merupakan kontrak yang ada unsur risiko yang pasti terdapat didalam kesemua kontrak atau transaksi. Perkataan risk (risiko) datang dari perkataan Arab iaitu *rizq*, yang digunakan di dalam Al-Quran (SurahFathir: 3). *Interest* yang dikenakan pada wang yang dipinjamkan merupakan mengenakan kadar tetap (fixed rate) pada wang yang dipinjamkan. Ini tidak ada kiraan 'risiko ' bagi pihak yang meminjam kerana tidak ada perjanjian yang berdasarkan perniagaan dalam transaksi tersebut. Tetapi wang ini boleh dipinjamkan kalau diperniagakan dalam transaksi tersebut umpamanya dimana kedua-dua pihak mengambil risiko untuk membuat perjanjian dalam transaksi tersebut. Ini adalah pendapat yang dipakati oleh ulamak bagi menolak pengambilan '*interest*' dalam pinjaman modal. Selain dari *riba* ada juga ciri-ciri lain yang perlu dituruti bagi ia memberi wawasan keadilan dan kesejahteraan bagi ummah di dunia ini.

Didalam kewangan Islam, sistem ini mesti memenuhi syarat *adl* (adil) , *rawaj* (circulation), dan *wuduh* (transparency)¹⁵. Dalam sistem sekular dimana hanya satu pihak sahaja yang mendapat risiko, ia tidak berlandaskan dan tidak menjiwai sistem *muamalat* yang harus memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan.

Umpamanya banyak diantara bank yang menggunakan sistem *murabaha* , atau *ijarah* didalam transaksi mereka. Dalam kontrak *murabaha*, bank membeli aset tersebut, dan mereka terdedah pada risiko, oleh itu untuk menaksirkan risiko ini bank menjual balik barang tersebut kepada pembeli pada kadar yang lebih tinggi, perbezaan harga itulah keuntungan yang bank tersebut dapati. Memang banyak yang telah dipertikaikan dalam sistem perbankan Islam yang hanya menggunakan kaedah perniagaan tetapi risiko yang dialami masih sama sahaja, iaitu bank masih tidak sanggup menerima risiko tersebut. Kalau dilihat cara bank mengenakan misalannya 5% atau 6% pada upah yang mereka lalui untuk mengenal pasti trasaksi itu; adakah ini cara yang salah?

¹⁴ Murat cizakca, *A history of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the Present* (Istanbul: Bogazici University Press)

¹⁵ Younes Soualhi (2012) ; *Bridging Islamic Juristic Differences in Contemporary Islamic Finance*, Kuala Lumpur Malaysia , Brill NV , Leiden.

Mengapa tidak dinamakan *ujrah* maknanya upah risiko bank untuk mengendalikan transaksi tersebut tetapi menggunakan sistem *murabaha* dalam perbankan tersebut. Kalau diungkapbalik sistem yang dipakai untuk Amil menggunakan upah % bagi kutipan. Tidak kah juga sama dengan menggunakan sistem % bagi upah untuk menggunakan wang tersebut untuk sesuatu pelaburan atau venture¹⁶ (Mews, 2007). Dari itu adakah sistem yang menggunakan basis % bagi pelaburan tersebut dengan mengenalpasti wang yang digunakan untuk pelaburan tersebut merupai riba atau ia adalah satu upah bagi pegawai bank mengendalikan wang pelaburan tersebut.

Misalan : Untuk membeli jentera atau mewujudkan bisnis tersebut bank perlu menyalurkan sebanyak \$ 1 juta dolar sebagai modal. \$1 juta dolar yang digunakan dikenakan *ujrah* untuk kakitangan bank mengendalikan business tersebut, oleh kerana wang itu dilaburkan, tetapi bank tidak mengambil sebarang risiko dalam perniagaan tersebut – bank boleh meletakkan caj bagi menggunakan kaki tangan mereka untuk tujuan tersebut. Apakah yang berbeza dari transaksi *murabaha* dan *ujrah*.

Kalau hanya dikenakan upah atas pinjaman wang – modalnya mestilah ‘intact ‘ini kerana kalau tidak ada risiko yang dikenakan pada wang tersebut ia akan menjadi transaksi pinjaman wang. Kalau caj bermakna ia hanya boleh dikenakan berdasarkan kos yang sebenar untuk mengendalikan pinjaman. Disini memang bank tersebut sudah pun mengenakan legal fees , ‘out of pocket expenses’ untuk mengendalikan pinjaman tersebut.

Perkara ini nampak pada dasarnya masih menggunakan caj. Tetapi apa yang beza dari pinjaman yang dicajkan menggunakan % adalah tidak ada jual beli atau transaksi business yang diutarakan.

Kalau hanya upah yang dikirakan bermakna bank tidak lagi dapat keuntungan yang lumayan yang biasa di amalkan oleh bank atau institusi kewangan. Sila lihat contoh:

Contoh : Pinjaman wang sebanyak \$1 juta dengan penggunaan *ujrah*

Pulangan wang \$1 juta ditetapkan. Setiap pinjaman untuk mengurangkan risiko mesti mempunyai insuran atau cagaran supaya boleh dibayar balik. Ini adalah sebagai cagaran bagi peminjam yang boleh menetapkan syarat. Tetapi bank pula mengatakan dengan cagaran, ada caj yang perlu di peruntukkan seperti gaji pekerjaanya yang perlu mengendalikan akaun pinjaman dan seterusnya. Kalau ini sahaja perbelanjaannya, bank tidak boleh menerima keuntungan yang lebih. Tetapi sebaliknya sistem ini lebih adil kerana setiap pinjaman kalau tidak ada cagaran bermakna bank mengambil risiko yang

¹⁶ Mews, C. J. (2007). Usury and Just Compensation. *Journal of Business Ethics* , 72 (1), 15.p. 5.

amat tinggi dan tidak pasti wang itu akan dipulangkan. Ini juga menjauhkan mereka dari mengambil pinjaman yang belum pasti mereka dapat melangsaikan hutang mereka.

Sila kita ambil contoh penggunaan *ujrah* dalam sistem Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) :

PTPN menggunakan *ujrah* – upah sebanyak 1% atas pinjaman atau pembayaran wang pengajian mereka. Sila teliti sistem ini. Tidak ada jual beli melainkan pembelian khidmat iaitu membekalkan modal insan yang lebih berkualiti atau lebih kemahiran . Di sini pelaburannya merupakan modal insan tersebut. Dan pihak peminjam bersetuju meminjamkan wang tersebut dan dikenakan kos mentadbirkan kesemua sistem pinjaman ini. Oleh itu kos sebenar bagi pengurusan administrasi dan pengendalian dikira dalam 1% ini mungkin tidak mencecah 100% cost sebenar dan mungkin ada kekurangan atau lebihan , tetapi oleh kerana ia amat rendah ia menjadikan ‘*legitimate*’ untuk dikenakan atau dipindahkan kepada pembayar. Ini juga tidak bercanggah sepertimana yang dibenarkan dalam pengurusan zakat. Tenaga pekerja dan kemahiran berbeza dan memang tidak ada satu *formula* yang boleh di katakan benar atau paling sesuai. Ia juga bergantung kepada *uruf*¹⁷ – kerasmian dan norma sesuatu khidmat yang di beri nilainya.

Oleh itu ini adalah satu anjakan pandangan dan inovasi yang telah di buat dan ia amat bersesuaian dengan konteks ini. Bolehkah sistem ini diaplikasikan dalam sistem kewangan Islam yang lain?

4. Penggunaan Instrumen kewangan Islam

Jadual dibawah menunjukkan instrumen yang digunakan oleh bank dan institusi kewangan Islam. Kebanyakan bank menggunakan kontrak *murabahah* bagi pembiayaan kebanyakan transaksi yang dijalankan. Sila lihat rajah di bawah:

Jadual Campuran Pembiayaan (Financing Mix) ¹⁸

Kontrak	Islamic Banking Department State of Pakistan (sep 2012) %	Islamic Banking Statistic Republic of Indonesia (Feb 2013) %
<i>Murabaha</i>	38.6	60.23
<i>Ijarah</i>	10.5	5.07
Musharaka+ (Diminishing Musharakah)	1.0 +37.1	18.8
Mudaraba	0.2	7.8
Salam	2.3	0
Istisna	6.1	0.2
Qard /Hassan	0	7.9
Others	4.3	0
Total	100	100

Sumber: Banking Dept State of Pakistan and Republic of Indonesia - IFIS

¹⁷ Uruf adalah kerasmian atau adat sesuatu masyarakat atau kaum.

¹⁸ Statistik diambil oleh IFIS

Sistem pembiayaan *Murabaha* merupakan sistem dimana bank mendapat keuntungan wang berdasarkan “cost-plus” yang dikenakan oleh pihak peminjam. Ia bukan berdasarkan pinjaman tetapi lebih dari bank membeli barang itu dan di naikkan harganya dan dijual balik kepada pembeli tersebut. Dengan cara ini bank dapat mengira keuntungannya dari mula lagi.

Boleh kah pembiayaan ini digunakan menggunakan *ujrah* – fee based; apakah pembiayaan yang sesuai yang boleh diguna oleh sistem *ujrah*? Rata-rata *ujrah* tidak digunakan untuk pembiayaan tetapi lebih cenderung digunakan untuk mengenakan bayaran sesuatu khidmat dan sebagainya . Dengan paradigma bank yang masih cenderung dengan sistem pinjaman (debt-based system) dan bukan sistem perkongsian keuntungan dan kerugian (profit sharing concept) ini membuat sesuatu inovasi dalam bidang yang lain susah untuk diaplikasikan bagi pihak bank atau pembiaya. Ini memang boleh dilihat dengan penggunaan *sukuk* yang sudahpun memcecah berbilion dollar dan menjadikan instrumen yang paling popular dikalangan bank dan institusi kewangan, dan ini adalah sistem debt-based yang berlandaskan hutang.

Adakah sistem *ujrah* ini adil? Kalau ia merupakan sistem yang berdasarkan upah, dan segala kos yang dikenakan adalah setimpal seperti yang dinyatakan oleh Yusuf Qardhawi bahawa tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah, ia memenuhi matlamat ini. Yang lebih rumit adalah bagaimana hendak ditaksirkan untuk kos risiko pemberi modal itu, boleh ke kos risiko juga dimasukkan dalam kiraan *ujrah*? Sila lihat contoh mudah yang diandaikan.

Contoh: Pembiayaan membeli sebuah kereta.

Contoh pertama:

Harga kereta: \$100,000 termasuk ‘sales tax’, on-the-road cost dan komisyen penjual

Bank membelanjakan \$100,000 untuk harga kereta

Ujrah yang dikira untuk mereka membayar bank kerana memberi mereka khidmat serta manfaat kereta yang dikehendaki.

Kos administrasi : 2% dari harga kereta (\$100,000) untuk mengendalikan statmen pembayaran, kos kakitangan, pejabat dan kos risiko pada wang modal yang diberikan (kiraan risiko termasuk cagaran kereta).

Contoh kos dan kiraan pinjaman mengikut tahun–cara mudah-bayaran 5 tahun atas baki yang berkurang.

Tahun	Wang Pinjaman	Bayar balik modal	Kadar kos yang dikenakan (based on 2%)
1	100,000	20,000	200
2	80,000	20,000	160
3	60,000	20,000	120
4	40,000	20,000	80
5	20,000	20,000	40
6	–		
Jumlah			600

Setiap tahun kosnya berkurangan kerana pengendalian wang semakin merosot. Walaupun kita menggunakan kos untuk mewajarkan pulangan bank atau pihak pembiaya, ini kadang kala dimanipulasikan dengan mendapatkan ukurtara kos yang ada di pasaran yang dimiripkan dengan kadar bunga yang dikenakan bank.

Oleh itu jumlah kos yang dibayar pada pihak bank adalah \$600 sahaja. Adakah ini adil? Adakah pihak bank juga adil kerana mereka ada kaki tangan yang digunakan untuk mengumpul dan mengagihkan wang untuk khidmat ini? Masaalahnya adalah banyak lagi yang harus dikaji dari segi perundangan bank yang boleh melihat bank membuat aktiviti tersebut. Menceburi dalam transaksi tersebut dan sebagainya.


Banyak faktor yang harus dikira dalam mengenal pasti kos yang patut dikira dalam pelaburan untuk dikenakan atau dibayar oleh pihak yang menerima pembelian tersebut. Sepertimana yang dinyatakan oleh El-Gamal seorang pakar ekonomist yang menyatakan, tidak salah untuk kita menggunakan benchmark, ukurtara pada kadar *interest* kerana kita tidak membuat kontrak yang berlandaskan *interest* tetapi hanya membuat *benchmark* sahaja untuk mengkaji kesesuaian dan daya saing kos yang boleh digunakan¹⁹. Perumpamaannya adalah seseorang penjual lembu hendak menjual lembu tetapi dia tidak tahu berapa harga yang perlu ditetapkan. Hanya ada harga *khindzir* yang sudah ada ketetapan harga. Oleh itu ia membuat perbandingan dengan harga *khindzir* dan menggunakan harga *khindzir* sebagai ukurtaranya. Ini tidak membuat harga lembu itu salah. Oleh itu perumpamaan yang hendak diutarakan adalah walaupun akhirnya kos itu mirip kos *interest* ia tidak menjadikan perkara ini haram. Yang perlu dipertikaikan adalah adakah ia adil?

¹⁹ El-Gamal, Cambridge University Press, 3 Jul, 2006 - Business & Economics - 221 pages

Contoh Kedua

Menggunakan *Ujrah* dalam penentuan kontrak musyarakah.

Di sini kes studi dari kontrak musyarakah Muis digunakan bagi pembangunan hartanah wakaf.



Sumber: Majlis Ugama Islam Singapura

Merujuk rajah diatas ia menunjukkan perkongsian 3 entiti yang menceburi usaha perniagaan untuk membangunkan sebuah pembangunan yang merangkumi apartmen servis, bangunan komersial dan masjid. 3 rakan kongsi ini memberi khidmat yang berbeza dan mereka juga diberi upah yang berbeza. Contoh yang hendak diutarakan adalah bagi pihak Warees dimana upah di beri kerana memberikan khidmat pakar dalam bidang tersebut. Dan khidmat pakar bergantung juga pada saiz projek, kepakaran dan risiko yang diusahakan.

Oleh itu bagi pihak institusi kewangan mereka juga boleh mengasingkan peranan pemberi modal dan peranan administrasi. Oleh kerana ia mengabungkan tenaga untuk mendapat modal tersebut, ia juga mesti di beri upah. Disini *ujrah* boleh digunakan. Tetapi boleh ke *ujrah* digunakan untuk membayar balik penyumbang modal atas modal yang diberi? Atau ini tidak sesuai kerana lebih sesuai dikira sebagai transaksi *musyarakah* atau *mudharabah*.

5. Analisa *Ujrah* sebagai upah atas modal yang digunakan

Seperti contoh pertama dan juga kedua, kalau *ujrah* ini sebagaimana yang dibahaskan bagi ramai yang membenarkan wang modal itu dikenakan bayaran atasnya. Ini adalah kerana wang dilihat juga sebagai mewakili sesebuah aset kerana wang yang didapati ada nilai untuk membeli barang dan sebagainya. Upah pula dilihat sebagai risiko dan juga dilihat wang sebagai sumber sama seperti tanah dan sebagainya untuk dibangunkan. Dengan demikian, wang juga ada pulangnya dan pulangnya adalah upah kepada wang yang digunakan. Pengamat konsep ini yang membenarkan pinjaman wang diberikan pulangan iaitu mirip sistem konvensional bank. Tetapi yang berbeza adalah wang ini mestilah digunakan untuk membeli atau menjanakan sesuatu yang memberi manfaat.

Oleh itu untuk meletakkan harga pada modal, mengikut pengamat konsep ini, dibolehkan. Ia itu kalau \$10,000 yang diberi, \$10,000 itu dikenakan *ujrah* sebanyak 2% (lihat contoh pertama).

Pada ramai yang berpendapat haram meletakkan pulangan lebih pada pinjaman ia adalah berdasarkan sistem hutang. Piron mengkritik pendapat seperti Petrus Olivi²⁰, pulangan yang tetap seperti ini adalah andaian wang yang digunakan adalah untuk keuntungan masa hadapan tetapi tidak dikira sebagai caj *interest* atas wang tersebut.²¹ Oleh itu Olivi membuat andaian bahawa kapital boleh menjana keberangkalan pertumbuhan, ini bukan wang menjana wang dengan sendirinya tetapi kapital yang boleh menjana keberangkalan pertumbuhan.

6. Cabaran

Dalam menggunakan kaedah baru dalam institusi kewangan Islam tiga ciri yang patut dikenal pasti supaya objektif atau maqasid Shari'ah dalam menghuraikan masalah atau mencari kepelbagaian dalam sistem ini dapat diraikan. Dan setiap perkara yang diinovasikan atau pembaharuan yang dibuat adalah untuk mendapat kebaikan. Dalam konteks ini sepertimana yang dinyatakan ia mesti memenuhi syarat *adl* (adil), *rawaj* (circulation), dan *wuduh* (transparency).

Adil kepada pengeluar kapital dan adil kepada yang menerima kapital tersebut. Dalam kerangka kewangan Islam yang lebih luas, keadilan bukan hanya diperingkat mikro tetapi juga diperingkat makro. Ia itu sistem yang akan digunakan sebaiknya juga melihat kerangka yang lebih luas samaada dengan adanya kaedah baru ini ia dapat membantu

²⁰ Piron, S.:2004, 'L' apparition du *resicum* en Mediterranee occidentale, X11e-X111e siecles', in E. Collas – Hedde-land, et. al (eds.), (Editions histoire et Anthropologie, Strasbourg, pp.59-76. Extracted from

Mews, C. J. (2007). Usury and Just Compensation. *Journal of Business Ethics* , 72 (1), 15.

²¹ Mews, C. J. (2007). Usury and Just Compensation. *Journal of Business Ethics* , 72 (1), 15.p. 5.

mengurangkan kos dan juga dapat membantu menurunkan risiko dan ia bukan hanya berbelah kepada satu pihak.

Dalam mencapai *wuduh* transparency dalam kiraan kos bagi *ujrah* disini masih terdapat beberapa cabaran kerana tidak semua perkara boleh dibentangkan. Oleh kerana kita beroperasi secara bisnes, ada beberapa perkara yang menjadi sulit dan perkara ini mungkin menjejaskan kedudukan institusi kewangan tersebut.

Walaupun kita boleh membahaskan dari segi sesuatu inovasi atau *ijtihad* itu mesti mendatangkan manfaat ia juga mesti dilihat dari kerangka pandangan alam Islam iaitu banyak juga product yang diluluskan atas dasar *maslahah* (untuk tujuan masyarakat umum) , *darurah* (keperluan wajib) atau juga *urf* (kebiasaan atau adat sesebuah masyarakat) . Contohnya kurma segar tidak boleh digantikan dengan kurma yang kering kerana kuwathir akan unsur *riba* dan *gharar* tetapi Rasulullah s.a.w membenarkan transaksi ini yang digelar '*araya*' kerana keperluan masyarakat dan masalah.²²

7 Kesimpulan

Dari contoh yang diberi dan memandangkan *ruksah* yang perlu dibincangkan, adalah penting perkara-perkara pandangan dunia Islam (Islamic worldview) diambil kira bila perkara ini di aplikasikan. Ini adalah perbincangan secara rambang, tetapi kajian yang lebih dalam dan terperinci harus dijalankan untuk kita lebih mencari jalan yang lebih adil bagi semua pihak dan sistem yang tidak membinasakan manusia dan alam ini. Selagi ini dipelihara Insya Allah, kita dipelihara Allah kerana memelihara sistem yang lebih adil dan saksama yang berlandaskan hukumNya.

Rujukan

²² Cf. Mustafa Ahmad al-Zarqa, al –Madkhal al-Fiqhi al- Am, Damascus, Dar al-Fikhr, 1387/1968, 1, 136-7

Cf. Mustafa Ahmad al-Zarqa, al –Madkhal al-Fiqhi al- Am, Damascus, Dar al-Fikhr, 1387/1968, 1, 136-7

El-Gamal, Cambridge University Press, 3 Jul, 2006 - Business & Economics

Hassan, N. M. (2003). *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Malaysia: IKIM.

Cf. Mustafa Ahmad al-Zarqa, al –Madkhal al-Fiqhi al- Am, Damascus, Dar al-Fikhr, 1387/1968, 1, 136-7

Mews, C. J. (2007). Usury and Just Compensation. *Journal of Business Ethics* , 72 (1), 15.p. 5.

Ibn Rushd, *Bidayat al- Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* , Terjemahan oleh Prof Imran Ahsan Khan Nyazee.Garnet Publishing Ltd.

Islamic Finance Information Services (IFIS)

Isra Compendium for Islamic Financial Terms , International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). 2010.

Islamic Finance Information Services (IFIS), [www: islamicfinanceservice.com](http://www.islamicfinanceservice.com)

Hukum Zakat oleh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Murat cizakca, *A history of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the Present* (Istanbul: Bogazici University Press)

Usmani, T.M. (2000) ; *An Introduction to Islamic Finance*; Idaratul Ma’arif, Karachi .

Wahbah Al-Zuhaili (1995); *Fiqh & Perundangan Islam Jilid IV* , Malaysia.

Dr. Yusuf Qardhawi, *Hukum Zakat : Studi Komparatif Mengenai Status dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur’an dan hadis* . cet.4, 1996.

Yusuf Ali; *Al-Quran dan Terjemahannya*.

Younes Souahlhi (2012); *Bridging Islamic Juristic Differences in Contemporary Islamic Finance Arab law Quarterly*, Brill, Leiden.